

06 SEP 1996

Mahathir - Mindanao

UMNO SOKONG PERJANJIAN DAMAI MINDANAO

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- UMNO menyokong perjanjian damai yang ditandatangani baru-baru ini antara kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF), kata Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata perjanjian damai itu diharap akan membawa keamanan di selatan Filipina.

Keamanan yang wujud hasil perjanjian damai itu membolehkan pembangunan dijalankan di selatan negara itu, katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, di sini malam ini.

Dalam pada itu, Dr Mahathir berkata, "kita berasa sedih atas tindakan Amerika Syarikat melancarkan serangan peluru berpandu terhadap Iraq kerana pada pendapat kita ia tidak wajar."

Walaupun Amerika Syarikat membuat serangan tanpa memberitahu negara-negara sekutunya tetapi kadang-kala serangan secara persendirian membawa kesan baik.

Umpamanya apabila ia menyerang puak Serb di Bosnia yang menyebabkan Serb tunduk kepada Pasukan Perlindungan Bangsa-bangsa Bersatu (UNPROFOR) dan menghasilkan Perjanjian Damai Dayton, kata beliau.

Beliau berkata serangan (di Bosnia) UMNO sokong tetapi di (Iraq) UMNO tidak sokong kerana berpendapat serangan itu tidak harus dibuat.

Katanya, "namun kita juga tidak bersetuju sebarang tindakan terhadap puak Kurdis oleh mana-mana pihak.

Menurut Dr Mahathir, UMNO berpendapat pihak lain tidak harus campurtangan dalam masalah Kurdis di utara Iraq. -- BERNAMA

HT FAZ